

## Kesan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Terhadap Komitmen Pelajar di Negeri Sabah

### *(Effect of Movement Control Order (MCO) on Student Commitment in Sabah)*

Khairun Nisa Abdul Mumen<sup>1\*</sup>, Mohd Mahzan Awang<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: [Khairunnisamumen@gmail.com.my](mailto:Khairunnisamumen@gmail.com.my)

<sup>2</sup>Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: [Mahzan@ukm.edu.my](mailto:Mahzan@ukm.edu.my)

#### CORRESPONDING

##### AUTHOR (\*):

Khairun Nisa Abdul Mumen  
([Khairunnisamumen@gmail.com.my](mailto:Khairunnisamumen@gmail.com.my))

#### KATA KUNCI:

COVID-19  
Pembelajaran atas talian  
PdPR  
Komitmen  
Sejarah  
PKP

#### KEYWORDS:

COVID-19  
Online learning  
Home-based teaching and learning  
Commitment  
History  
MCO

#### CITATION:

Khairun Nisa Abdul Mumen & Mohd Mahzan Awang. (2022). Kesan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Terhadap Komitmen Pelajar di Negeri Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(3), e001349. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i3.1349>

#### ABSTRAK

Sektor pendidikan masih berusaha untuk membudayakan pembelajaran atas talian bagi menggantikan kaedah konvensional bersemuka yang terpaksa dihentikan seketika bagi mengekang penularan wabak coronavirus. Kajian lepas menunjukkan komitmen pelajar adalah antara salah satu faktor yang penting dalam menilai keberkesanan pembelajaran atas talian semasa PKP. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti tahap komitmen pelajar semasa pelaksanaan PKP dan hubungannya terhadap tahap prestasi pembelajaran dalam pembelajaran sejarah. Analisis deskriptif, inferensi dan analisis ANOVA telah digunakan untuk menguji, menjawab hipotesis dan juga untuk mencapai objektif dalam kajian ini. Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan skor tahap komitmen pelajar dalam pembelajaran Sejarah semasa PKP dari segi aspek persekitaran pembelajaran, interaksi pelajar – guru dan komitmen belajar adalah berada pada tahap yang sederhana. Secara keseluruhannya, kajian menunjukkan komitmen pelajar mempunyai hubungan yang signifikan ( $r = 0.619$ ,  $p < 0.01$ ) dengan prestasi pelajar dalam pembelajaran Sejarah semasa PKP. Oleh itu, diharapkan agar kajian ini memberi manfaat kepada semua pihak dalam mendepani isu dan cabaran yang timbul agar pembelajaran atas talian dapat dilaksanakan dengan lebih efektif pada masa akan datang.

#### ABSTRACT

The education sector is still working to cultivate online learning to replace the conventional face-to-face method that had to be stopped for a while to curb the spread of coronavirus outbreaks. Past studies have shown that students' learning commitment is one of the important factors in evaluating the effectiveness of online learning during PKP. Therefore, this study was conducted to identify the level of student commitment during the implementation

of PKP and its relationship to the level of learning performance in history learning. Descriptive analysis, inference and ANOVA analysis were used to test, answer the hypotheses and also to achieve the objectives in this study. Overall, the results show that the score of the level of student commitment in learning History during PKP in terms of aspects of learning environment, student-teacher interaction and learning commitment is at a moderate level. Besides, the study showed that student commitment has a significant relationship ( $r = 0.619$ ,  $p < 0.01$ ) with student performance in learning History during PKP. Therefore, it is hoped that this study will benefit all parties in facing the issues and challenges that arise so that online learning can be implemented more effectively in the future.

**Sumbangan/Keaslian:** Kajian ini diharapkan dapat memberi pendedahan umum kepada masyarakat berkenaan isu terkini pendidikan iaitu pembelajaran atas talian dan Pembelajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR), serta dapat menyumbang kepada literatur yang sedia ada.

## 1. Pengenalan

Pada tahun 2019, satu dunia digemparkan dengan penularan satu wabak yang dikenali sebagai COVID-19 yang mula merebak di daerah Wuhan, China. Angka penularan semakin tidak terkawal malah merebak luas ke luar negara China. Rentetan itu juga, *World Health Organization* (WHO) mengkategorikan penularan COVID-19 ini sebagai satu pandemik (Adhanom, 2020). Menurut Mustafa dan Zahoor (2020), Sahu (2020) dan Ramli dan Abd Rahman (2021), pandemik yang berlaku ini turut memberi pengaruh kepada sistem pendidikan di seluruh dunia, yang mana telah mengakibatkan hampir semua sekolah, universiti dan kolej ditutup bagi mengekang penularan virus ini. Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan bermula pada 16 Mac 2020 (Ministry of Education, 2020).

Pengisytiharan ini telah memberi impak yang besar kepada semua sektor dan bidang termasuklah pendidikan. Sesi pembelajaran ataupun perkuliahan tetap dijalankan tetapi dengan menggunakan pembelajaran atas talian sebagai alternatif semua aktiviti secara bersemuka (Abd Latib, Edrusi & Muhamad, 2021; Ahmad Mokhtar & Lakman, 2021; Abdullah & Amran, 2021; Ramli & Abd Rahman, 2021). Disokong oleh dapatan kajian Safri, Mohi dan Hanafiah (2020) serta Ramli dan Abd Rahman (2021), yang menyatakan salah satu cara bagi memastikan kelangsungan pembelajaran dapat diteruskan dalam situasi negara menjalankan PKP adalah pelaksanaan aktiviti PdP secara e-pembelajaran. Dimana sistem pengajaran atas talian membolehkan para pelajar dan pendidik dapat berhubung walaupun tidak berada di ruang yang sama (Jasni & Hussin, 2020).

Namun, pelbagai cabaran perlu diatasi dan masih perlu diperbaiki bagi memastikan pembelajaran atas talian dapat dilaksanakan dengan lancar. Antara cabaran-cabaran yang telah dikenal pasti oleh pengkaji-pengkaji lain sepanjang pelaksanaan PKP sejak tahun 2019 ialah pemilikan teknologi ataupun prasarana ICT, liputan internet bagi kawasan-kawasan tertentu terutamanya di kawasan luar bandar, kemahiran teknologi dalam kalangan guru-guru (Goliong et al., 2020). Bahkan, para pelajar dilihat masih lagi

bergelut dalam menyesuaikan diri dalam masa yang singkat dengan pembelajaran norma baharu ini. Penglibatan diri para pelajar dalam proses pembelajaran perlu dititikberatkan bagi memastikan keberkesanan Pengajaran dan pembelajaran di Rumah (PdPR) semasa PKP berjalan dengan lancar dan berkesan.

Perlu diteliti juga kualiti PdPR semasa PKP yang kini menjadi isu yang hangat diperkatakan. Sememangnya pembelajaran atas talian adalah salah satu alternatif yang ada bagi meneruskan pembelajaran ketika pandemik ini (Abd Latib, Edrusi & Muhamad, 2021; Ahmad Mokhtar & Lakman, 2021; Abdullah & Amran, 2021; Ramli & Abd Rahman, 2021). Namun, kualiti pembelajaran atas talian adalah salah satu isu kritikal yang juga memerlukan perhatian sewajarnya (Sahu, 2020). Jika dilihat data yang dikongsikan oleh KPM, seramai 21, 316 orang pelajar telah berhenti sekolah semenjak Mac 2020 (Bernama, 2021; Adnan, 2021). Bilangan yang membimbangkan ini perlu diteliti punca dan akibatnya yang mana akan memberi impak yang negatif dan boleh memudaratkan generasi yang akan datang. Penerimaan norma baharu ini bukan sahaja sukar bagi para pelajar tetapi bagi tenaga pengajar juga yang mana turut berhadapan dengan kesukaran untuk mengadaptasi dan mengubah amalan pendidikan yang sedia ada. Rentetan itu juga komitmen pelajar semasa PdPR perlu dititikberatkan kerana ianya secara langsung memberi kesan kepada kualiti pembelajaran semasa PKP dan seterusnya boleh mempengaruhi tahap prestasi pembelajaran pelajar (Wahono, Mahamod & Mohamad Nasir, 2021).

Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti tahap komitmen pelajar dari segi persekitaran pembelajaran, interaksi pelajar-guru dan komitmen belajar pelajar semasa pelaksanaan PKP dan hubungannya tahap prestasi pembelajaran dalam pembelajaran sejarah

## 2. Sorotan Literatur

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac 2020 di bawah Akta Pencegahan dan Pengawasan Penyakit Berjangkit 1988 (Majlis Keselamatan Negara, 2021). Pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) ataupun *Home Based Learning* (HBL) dilaksanakan secara atas talian, diperkenalkan bagi menggantikan kelas bersemuka yang tidak lagi sesuai dilaksanakan dalam situasi negara tengah dilanda pandemik (Che Azizan & Mohamad Nasri, 2020; Mahad, Magesvaran & Hamza, 2021; Martha, Junus, Santoso, & Suhartanto, 2021; Rabindarang & Arjunan, 2021; Abdul Rahman & Rosli, 2021). Pelaksanaan PdPR semasa PKP diumumkan oleh Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Pendidikan Malaysia dari masa ke semasa bergantung sepenuhnya kepada keadaan semasa negara (Rabindarang & Arjunan, 2021). *Home Based Learning* (HBL) ini dapat dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan pembelajaran atas talian dengan bantuan dan berteraskan teknologi (Che Azizan & Mohamad Nasri, 2020; Bahrom, 2020). Menurut Bahrom (2020) juga, pendekatan pembelajaran dari rumah bermaksud memindahkan proses-proses pembelajaran yang asalnya dari bilik kuliah ke rumah.

Pelbagai reaksi dapat dilihat mulai timbul rentetan daripada kekusaran dan rasa bimbang dengan kaedah ini kerana masih tidak terbiasa dengan proses pembelajaran yang baharu ini. Kajian dilakukan oleh Nawi dan Hamidaton (2020) mendapati bahawa pelajar USIM memberikan respons yang positif terhadap tiga faktor kesediaan iaitu pengetahuan, sikap dan motivasi dan secara keseluruhannya tahap penerimaan yang positif terhadap aplikasi Microsoft Teams sebagai medium utama pembelajaran.

Dapatan kajian daripada [Baharin \(2019\)](#) pula mendapati bahawa, murid memberi respons yang positif terhadap penggunaan iPad dalam pembelajaran sains dalam bilik darjah di Sekolah Sultan Alam Shah Putrajaya. Murid bukan sahaja berasa seronok, berjaya menarik minat, meningkatkan pembelajaran dan penglibatan malah menggalakkan kolaborasi yang aktif. Manakala kajian yang dilakukan oleh [Haron, Hussin dan Yusof \(2020\)](#) ke atas para pelajar UKM mendapati bahawa para pelajar menerima baik kaedah pembelajaran menggunakan *Massive Open Online Course* (MOOC). Bagi mereka, MOOC sangat bermanfaat malah dapat digunakan untuk memuat turun nota kursus, mempelajari kursus secara sendiri dan membuat perbincangan.

Pelbagai reaksi dapat dirakamkan daripada seluruh warga masyarakat amnya. Sebaliknya, dapatan kajian yang telah dilakukan oleh [Quah \(2020\)](#) terhadap pensyarah dan pelajar Kolej Komuniti, Sungai Petani mendapati pada awalnya, kebanyakan pensyarah menolak dan tidak sanggup menerima perubahan ini disebabkan masih tidak bersedia lagi kaedah baru Pengajaran dan pembelajaran dalam talian (PdPDT) ini. Hal ini selari dengan dapatan kajian yang telah dijalankan oleh [Goliong et al. \(2020\)](#) yang dilakukan terhadap guru-guru sekolah menengah dan sekolah rendah di daerah Ranau menunjukkan kesediaan guru-guru, murid dan ibu bapa dalam melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran Jarak Jauh (PdPcJJ) masih di tahap yang kurang memuaskan khususnya dalam mod pembelajaran dalam talian.

Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh [Syed Idrus, Yaakob, Shuib, Ahmad dan Hassan \(2020\)](#), berkenaan impak pelaksanaan pembelajaran atas talian semasa sekatan pergerakan mendapati bahawa pelajar memberi respons yang positif dan penilaian yang tinggi terhadap penggunaan alatan teknologi semasa sesi pengajaran dan pembelajaran, iaitu dari aspek pengaplikasian kemahiran, pemerolehan ilmu dan diikuti kepuasan terhadap pembelajaran atas talian. Namun dari segi aspek keupayaan pelajar untuk menguasai alatan, pemilikan alatan dan kekuatan rangkaian internet masih di tahap yang rendah. Dapatan [Abdul Mumen \(2022\)](#), mendapati bahawa tahap penerimaan pelajar sarjana Pusat Kembangan Pendidikan UKM terhadap pembelajaran atas talian adalah berada di tahap yang tinggi.

Pendidikan yang berasaskan teknologi kini dapat diklasifikasikan sebagai bersifat global dan sering dikaitkan dengan pencapaian hasil pembelajaran dan kebolehpasaran para pelajar ataupun graduan ([Syed Chear, 2017](#)). Lebih-lebih lagi ketika tercetusnya pandemik ini penggunaan teknologi dalam bidang pendidikan kini menjadi semakin penting. Dengan adanya teknologi, pembelajaran atas talian dapat dimanfaatkan untuk membantu pembelajaran secara sendiri, meningkatkan keberkesanan pembelajaran dan mengoptimumkan penggunaan sumber yang terhad ([Abd Latib, Edrusi & Muhamad, 2021](#)). Menurut [Adzhar, Abdul Karim dan Sahrin \(2017\)](#) pula, pembelajaran atas talian kini menjadi satu platform pembelajaran baharu yang fleksibel kerana membolehkan interaksi dilakukan secara maya sahaja.

Walau bagaimanapun, pembelajaran atas talian hanya dapat diupayakan dengan wujudnya jaringan elektronik dan konsep elektronik pembelajaran ([Syed Idrus et al., 2020](#)). Terdapat beberapa dapatan kajian lepas yang dapat dikenal pasti telahpun memberi penekanan terhadap kepentingan pemilikan peranti dan teknologi untuk menjayakan pembelajaran atas talian. Antaranya ialah kajian-kajian yang dihasilkan oleh ([Ting, 2007](#); [Vinathan, 2016](#); [Syed Chear, 2017](#); [Adzhar, Abdul Karim & Sahrin, 2017](#); [Quah, 2020](#); [Goliong et al., 2020](#); [Syed Idrus et al., 2020](#); [Abdul Rahman & Rosli, 2021](#); [Abdul Mumen, 2022](#)).

### 3. Metod Kajian

Kajian berbentuk kaedah tinjauan diaplikasikan dalam kajian ini bagi mengumpulkan maklumat untuk menjawab objektif dan persoalan kajian yang telah dibina. Dalam kajian ini, reka bentuk kuantitatif digunakan untuk mengenal pasti kesan PKP terhadap komitmen sejarah dalam kalangan pelajar yang terdiri daripada pelajar sekolah menengah tingkatan empat dan tingkatan lima yang melibatkan beberapa buah sekolah di negeri Sabah. Data-data ini dikumpulkan dengan menggunakan instrumen soal selidik yang diedarkan melalui “*google form*” berskala lima likert. Dengan menggunakan analisis deskriptif terhadap maklumat demografi responden untuk menerangkan dan menggambarkan data manakala analisis inferensi telah digunakan untuk menguji dan menjawab hipotesis dan juga untuk mencapai objektif dalam kajian ini. Akhir sekali, analisis ANOVA digunakan untuk menganalisis hubungan antara komitmen dan prestasi pelajar dalam pembelajaran sejarah semasa PKP.

Dalam konteks kajian ini, seramai 509 orang pelajar telah dipilih sebagai responden kajian ini. Seramai 149 orang responden adalah terdiri daripada pelajar lelaki manakala seramai 360 orang responden lagi terdiri daripada pelajar perempuan. Selain itu, responden daripada tingkatan lima pula menunjukkan majoriti pelajar iaitu seramai 334 orang, selebihnya iaitu 175 orang adalah daripada tingkatan empat. Bagi kategori lokasi tempat tinggal responden pula seramai 255 orang adalah dari kategori luar bandar, manakala bakinya iaitu seramai 254 orang lagi adalah dari kategori bandar.

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini telah diuji kepada 30 orang responden terlebih dahulu yang terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan lima di SMK Tansau, Penampang, Sabah. Nilai alfa *cronbach* bagi keseluruhan item komitmen dan prestasi pembelajaran sejarah dalam kalangan pelajar semasa PKP adalah masing 0.949 (45 item). Oleh itu, jadual alfa *Cronbach* bagi kajian ini menunjukkan bahawa instrumen yang digunakan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi. Seterusnya bagi kesahan kandungan item bagi kajian ini, telahpun disemak dan disahkan melalui perbincangan dengan penyelia.

Dalam proses pengumpulan data kajian, satu set soal selidik yang lengkap dengan jumlah item sebanyak 45 soalan berdasarkan skala lima likert telah diedarkan bagi tujuan mengumpulkan maklumat untuk menjawab objektif dan persoalan kajian yang telah dibina. Dalam kajian ini, satu set soal selidik yang mengandungi dua (2) bahagian telah disediakan iaitu bahagian iaitu Bahagian A, B dan C. Bahagian A adalah berkaitan dengan maklumat demografi Pelajar. Bahagian B pula ialah tiga aspek persekitaran pembelajaran bagi mengenal pasti kesan PKP terhadap komitmen belajar pelajar terhadap mata pelajaran Sejarah semasa PKP iaitu persekitaran pembelajaran, interaksi pelajar – guru dan komitmen belajar. Seterusnya, Bahagian C pula mengandungi item-item berkenaan prestasi pembelajaran pelajar berdasarkan aspek-aspek kemahiran pemikiran sejarah (KPS).

Soal selidik Bahagian A adalah bagi mendapatkan maklumat demografi pelajar, bahagian ini dibentuk sendiri oleh pengkaji bagi mendapatkan latar belakang dan ciri-ciri demografi, medium yang digunakan untuk pembelajaran dan markah pencapaian subjek sejarah responden. Bagi bahagian B pula ialah instrumen dan item-item yang digunakan untuk mendapatkan aspek persekitaran pembelajaran. Item bagi persekitaran pembelajaran ini adalah diubahsuai daripada kajian lepas iaitu [Che Ahmad, Shaharim](#)

dan Yahaya (2016) dan disesuaikan dengan situasi pembelajaran atas talian yang dijalankan dari rumah (PdPR) pada masa kini.

Bagi instrumen dan item-item yang digunakan di dalam konstruk aspek interaksi pelajar – guru pula, adalah hasil adaptasi daripada *Students' Evaluation of Teaching Effectiveness Rating Scale* (SETERS) yang dibina Toland dan Ayala (2005) serta Ahmid, Abdullah dan Johari (2018). SETERS digunakan bagi menilai sesi PdP yang dikendalikan guru dalam kelas di sekolah masing-masing oleh para pelajar. Konteksnya telah disesuaikan dengan situasi PdPR bagi mengenal pasti situasi pembelajaran pelajar yang akan memberi impak kepada komitmen belajar mereka sepanjang PKP.

Manakala bagi instrumen dan item-item yang digunakan untuk aspek komitmen belajar adalah hasil adaptasi daripada beberapa orang pengkaji lepas yang telah membuat kajian lebih kurang dengan objektif kajian ini. Item-item (motivasi), bagi soalan bernombor 1-4 adalah diadaptasi daripada (1) Vinathan (2016) dan (2) Yahaya dan Ling (2011). Manakala bagi item-item (minat) dan (penglibatan) iaitu soalan daripada nombor 5 sehingga 11 adalah diadaptasi daripada kajian Andi et al. (2019). Akhir sekali, bagi item-item (sikap), soalan nombor 12 - 15, diadaptasi daripada (1) Lapammu dan Mahamod (2018) serta (2) Yahaya dan Ling (2011).

#### 4. Hasil Kajian

Kajian ini berfokuskan kepada pelajar tingkatan 4 dan juga tingkatan 5 daripada beberapa buah Sekolah Menengah di Negeri Sabah. Seramai 509 orang telah terlibat di dalam kajian ini. Data demografi yang digunakan seperti jantina, kategori tempat tinggal, gadget yang dimiliki dan gred subjek sejarah dibentangkan dalam bentuk jadual berdasarkan bilangan dan peratus responden.

##### 4.1. Taburan responden mengikut taburan demografi

Berdasarkan Jadual 1, daripada keseluruhan 509 responden yang terlibat dalam kajian ini, sebanyak 29.3 peratus atau 149 orang adalah terdiri daripada pelajar lelaki, manakala sebanyak 70.7 peratus atau 360 orang lagi terdiri daripada pelajar perempuan. Ini menunjukkan bahawa responden dalam kalangan pelajar perempuan adalah melebihi jumlah pelajar lelaki dalam kajian ini.

Jadual 1: Taburan Responden Mengikut Jantina

	Bilangan	Peratus
Jantina		
Lelaki	149	29.3
Perempuan	360	70.7

Seterusnya, Jadual 2 pula menunjukkan profil responden mengikut kategori tempat tinggal menunjukkan seramai 255 orang (50.1%) adalah dari kategori luar bandar, manakala bakinya seramai 254 orang (49.9%) lagi adalah dari kategori bandar.

Jadual 2: Taburan Responden Mengikut Kategori Tempat Tinggal

	Bilangan	Peratus
Kategori tempat tinggal		
Luar bandar	255	50.1
Bandar	254	49.9

Jadual 3 menunjukkan hasil kajian mengikut gadget yang dimiliki menunjukkan majoriti responden adalah memiliki telefon pintar iaitu seramai 476 orang (93.5%). Diikuti dengan seramai 29 orang (5.7%) memiliki komputer / komputer riba dan seramai 4 orang (0.8%) lagi memiliki *Tablet*.

Jadual 3: Taburan Responden Mengikut Gadget Yang Dimiliki

	Bilangan	Peratus
Gadget yang dimiliki		
Telefon pintar	476	93.5
Tablet	4	.8
Komputer / komputer riba	29	5.7

Akhir sekali, **Jadual 4** menunjukkan profil responden mengikut gred subjek Sejarah pula menunjukkan sebanyak 10.8 peratus (55 orang) memperoleh gred A, 19.4 peratus (99 orang) memperoleh gred B, sebanyak 25.5 peratus (130 orang) memperoleh gred C, sebanyak 24.0 peratus (122 orang) memperoleh gred D, sebanyak 13.6 peratus (69 orang) memperoleh gred E dan sebanyak 6.7 peratus (34 orang) memperoleh gred F.

Jadual 4: Taburan Responden Mengikut Gred Subjek Sejarah

	Bilangan	Peratus
Gred subjek Sejarah		
A	55	10.8
B	99	19.4
C	130	25.5
D	122	24.0
E	69	13.6
F	34	6.7

#### 4.2. Komitmen Pelajar Dari Aspek Persekitaran Pembelajaran

**Jadual 5** menunjukkan skor kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai bagi setiap item komitmen pelajar dari aspek persekitaran pembelajaran. Hasil kajian menunjukkan enam item mempunyai skor yang tinggi, manakala sembilan item lagi mempunyai skor yang sederhana. Berdasarkan hasil kajian ini, item Bi\_2 iaitu "*Saya mempunyai meja belajar saya sendiri di rumah..*" mencatatkan min yang tertinggi (min = 4.01, SP = 1.067). Diikuti dengan item Bi\_8 iaitu "*Saya mempunyai gadget (smartphone, komputer, tablet) saya sendiri.*" (min = 3.97, SP = 1.080) dan item Bi\_1 iaitu "*Saya mempunyai ruang / bilik belajar sendiri di rumah.*" (min = 3.79, SP = 1.180). Manakala item Bi\_15 iaitu "*Saya suka mengikuti e-pembelajaran dari rumah.*" pula mencatatkan min yang terendah (min = 2.82, SP = 1.202). Secara keseluruhannya menunjukkan skor komitmen pelajar dari aspek persekitaran pembelajaran Sejarah semasa PKP (min = 3.39, SP = 0.783) adalah berada pada tahap yang sederhana.

Jadual 5: Persekitaran Pembelajaran

No	Pernyataan	STS	TS	KS	S	SS	Min	SP
Bi_1	Saya mempunyai ruang / bilik belajar sendiri di rumah	33 (6.5)	50 (9.8)	70 (13.8)	193 (37.9)	163 (32.0)	3.79	1.180
Bi_2	Saya mempunyai meja belajar saya sendiri di rumah	19 (3.7)	39 (7.7)	55 (10.8)	200 (39.3)	196 (38.5)	4.01	1.067
Bi_3	Saya boleh belajar dengan fokus semasa mengikuti e-pembelajaran di rumah	57 (11.2)	79 (15.5)	234 (46.0)	101 (19.8)	38 (7.5)	2.97	1.049
Bi_4	Saya mempunyai ruang belajar yang selesa	30 (5.9)	58 (11.4)	136 (26.7)	188 (36.9)	97 (19.1)	3.52	1.102
Bi_5	Saya selesa mengikuti e-pembelajaran di rumah	62 (12.2)	83 (16.3)	203 (39.9)	103 (20.2)	58 (11.4)	3.02	1.145
Bi_6	Ibubapa, adik-beradik dan keluarga memahami keadaan saya yang perlu belajar secara atas talian	25 (4.9)	47 (9.2)	91 (17.9)	203 (39.9)	143 (28.1)	3.77	1.105
Bi_7	Saya dapat menyiapkan kerja sekolah tanpa sebarang gangguan di rumah	76 (14.9)	59 (11.6)	206 (40.5)	115 (22.6)	53 (10.4)	3.02	1.165
Bi_8	Saya mempunyai gadget (smartphone, komputer, tablet) saya sendiri	24 (4.7)	37 (7.3)	50 (9.8)	219 (43.0)	179 (35.2)	3.97	1.080
Bi_9	Saya berpuas hati dengan gadget yang saya miliki	28 (5.5)	37 (7.3)	96 (18.9)	202 (39.7)	146 (28.7)	3.79	1.104
Bi_10	Ibubapa saya menyediakan saya ruang, gadget dan internet bagi mengikuti kelas e-pembelajaran dari rumah	29 (5.7)	50 (9.8)	102 (20.0)	183 (36.0)	145 (28.5)	3.72	1.146
Bi_11	Saya tidak menghadapi masalah talian internet (kredit yang mencukupi)	78 (15.3)	75 (14.7)	143 (28.1)	129 (25.3)	84 (16.5)	3.13	1.289
Bi_12	Tahap kelajuan internet dirumah saya dalam keadaan yang baik	80 (15.7)	74 (14.5)	152 (29.9)	129 (25.3)	74 (14.5)	3.08	1.267
Bi_13	Saya tidak menghadapi sebarang gangguan berkaitan gadget dan internet bagi mengikuti e-pembelajaran	66 (13.0)	75 (14.7)	169 (33.2)	134 (26.3)	65 (12.8)	3.11	1.196
Bi_14	Capaian internet / wifi di rumah adalah baik	74 (14.5)	76 (14.9)	154 (30.3)	126 (24.8)	79 (15.5)	3.12	1.260
Bi_15	Saya suka mengikuti e-pembelajaran dari rumah	97 (19.1)	85 (16.7)	185 (36.3)	97 (19.1)	45 (8.8)	2.82	1.202
Keseluruhan							3.39	.783

(Tahap: Rendah = 1.00 – 2.33, Sederhana = 2.34 – 3.66, Tinggi = 3.67 – 5.00)



### 4.3. Komitmen Pelajar dari Aspek Interaksi Pelajar – Guru

Jadual 6 menunjukkan skor kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai bagi setiap item komitmen pelajar dari aspek interaksi pelajar – guru. Hasil kajian menunjukkan kesemua lima belas item tersebut mempunyai skor yang tinggi. Berdasarkan hasil kajian ini, item Bii\_12 iaitu “Guru mempunyai pengetahuan yang luas dalam mata pelajaran..” mencatatkan min yang tertinggi (min = 4.34, SP = 0.691). Diikuti dengan item Bii\_9 iaitu “Guru menjawab setiap pertanyaan pelajar di dalam kelas dengan pengetahuan yang berguna..” (min = 4.32, SP = 0.654) dan item Bii\_14 iaitu “Guru memberikan maklum balas terhadap kerja rumah / peperiksaan yang mana dapat membantu saya belajar dari kesilapan.” (min = 4.21, SP = 0.720). Manakala item Bii\_1 iaitu “Penjelasan daripada guru mengenai kandungan kursus adalah jelas.” pula mencatatkan min yang terendah (min = 3.72, SP = 0.847). Secara keseluruhannya menunjukkan skor komitmen pelajar dari aspek interaksi pelajar – guru Sejarah semasa PKP (min = 4.06, SP = 0.535) adalah berada pada tahap yang tinggi.

Jadual 6: Komitmen Pelajar Dari Aspek Interaksi Pelajar – Guru

No	Pernyataan	STS	TS	KS	S	SS	Min	SP
Bii_1	Penjelasan daripada guru mengenai kandungan kursus adalah jelas	9 (1.8)	25 (4.9)	144 (28.3)	252 (49.5)	79 (15.5)	3.72	.847
Bii_2	Guru menggunakan pelbagai pendekatan / strategi semasa penbentangan	2 (0.4)	12 (2.4)	72 (14.1)	305 (59.9)	118 (23.2)	4.03	.709
Bii_3	Guru menyampaikan bahan pengajaran mengikut urutan bab yang sesuai	0 (0.0)	10 (2.0)	40 (7.9)	306 (60.1)	153 (30.1)	4.18	.652
Bii_4	Guru meningkatkan minat saya terhadap kursus mata pelajaran	4 (0.8)	32 (6.3)	132 (25.9)	257 (50.5)	84 (16.5)	3.76	.830
Bii_5	Guru membantu saya untuk memahami kandungan kursus	3 (0.6)	14 (2.8)	69 (13.6)	314 (61.7)	109 (21.4)	4.01	.717
Bii_6	Guru memberi galakan untuk saya terlibat dalam perbincangan kelas	3 (0.6)	14 (2.8)	57 (11.2)	312 (61.3)	123 (24.2)	4.06	.717
Bii_7	Guru memberi galakan untuk saya berkomunikasi dengan pelajar lain di dalam kelas	6 (1.2)	20 (3.9)	76 (14.9)	300 (58.9)	107 (21.0)	3.95	.788
Bii_8	Guru menghormati pendapat saya di dalam kelas	1 (0.2)	13 (2.6)	57 (11.2)	317 (62.3)	121 (23.8)	4.07	.682
Bii_9	Guru menjawab setiap pertanyaan pelajar di dalam kelas dengan pengetahuan yang berguna	0 (0.0)	9 (1.8)	26 (5.1)	266 (52.3)	208 (40.9)	4.32	.654
Bii_10	Guru mewujudkan suasana pembelajaran yang selesa di dalam e-pembelajaran	4 (0.8)	21 (4.1)	78 (15.3)	282 (55.4)	124 (24.4)	3.98	.796
Bii_11	Guru menyediakan aktiviti	0	26	85	295	103	3.93	.755

	amali dan praktikal yang berkaitan dengan kursus mata pelajaran	(0.0)	(5.1)	(16.7)	(58.0)	(20.2)		
Bii_12	Guru mempunyai pengetahuan yang luas di dalam mata pelajaran	3 (0.6)	9 (1.8)	19 (3.7)	258 (50.7)	220 (43.2)	4.34	.691
Bii_13	Guru memberikan maklum balas dalam proses pembelajaran saya	1 (0.2)	9 (1.8)	35 (6.9)	299 (58.7)	165 (32.4)	4.21	.661
Bii_14	Guru memberikan maklum balas terhadap kerja rumah / peperiksaan yang mana dapat membantu saya belajar dari kesilapan	2 (0.4)	12 (2.4)	41 (8.1)	275 (54.0)	179 (35.2)	4.21	.720
Bii_15	Maklum balas daripada guru terhadap kerja rumah/ peperiksaan dapat membantu saya untuk mengenalpasti apa yang saya tahu dan apa yang saya tidak tahu	1 (0.2)	17 (3.3)	44 (8.6)	273 (53.6)	174 (34.2)	4.18	.740
Keseluruhan							4.06	.535

(Tahap: Rendah = 1.00 – 2.33, Sederhana = 2.34 – 3.66, Tinggi = 3.67 – 5.00)

#### 4.4. Komitmen Pelajar Dari Aspek Komitmen Belajar

Jadual 7 menunjukkan skor kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai bagi setiap item komitmen pelajar dari aspek komitmen belajar. Hasil kajian menunjukkan dua item mempunyai skor yang tinggi, manakala tiga belas item lagi mempunyai skor yang sederhana. Berdasarkan hasil kajian ini, item Biii\_11 iaitu “*Saya suka melakukan bacaan tambahan untuk memudahkan pemahaman saya bagi topik tertentu.*” mencatatkan min yang tertinggi (min = 3.71, SP = 0.897). Diikuti dengan item Biii\_8 iaitu “*Saya setuju jika ada kelas tambahan yang diadakan diluar masa/jadual yang telah ditetapkan..*” (min = 3.67, SP = 1.126) dan item Biii\_15 iaitu “*Saya suka menggunakan e-pembelajaran kerana dapat mencari bahan dan nota tambahan berkaitan pembelajaran.*” (min = 3.58, SP = 1.070). Manakala item Biii\_6 iaitu “*Saya lebih berminat mengadakan e-pembelajaran berbanding kelas bersemuka.*” pula mencatatkan min yang terendah (min = 2.36, SP = 1.207). Secara keseluruhannya menunjukkan skor komitmen pelajar dari aspek komitmen belajar Sejarah semasa PKP (min = 3.09, SP = 0.780) adalah berada pada tahap yang sederhana.

Jadual 7: Komitmen Pelajar Dari Aspek Komitmen Belajar

No	Pernyataan	STS	TS	KS	S	SS	Min	SP
Biii_1	E-pembelajaran menyebabkan hasil kerja saya lebih cekap dan kreatif	50 (9.8)	67 (13.2)	213 (41.8)	147 (28.9)	32 (6.3)	3.09	1.029
Biii_2	Saya merasakan e-pembelajaran sangat menyeronokkan dan memberi motivasi pada saya untuk mengikuti setiap sesi pengajaran	68 (13.4)	74 (14.5)	214 (42.0)	117 (23.0)	36 (7.1)	2.96	1.092

Biii_3	Dengan galakan pensyarah, saya berasa yakin menggunakan e-pembelajaran dalam PdP	48 (9.4)	58 (11.4)	208 (40.9)	161 (31.6)	34 (6.7)	3.15	1.027
Biii_4	Saya akan memilih untuk melakukan e-pembelajaran pada masa yang akan datang	97 (19.1)	71 (13.9)	206 (40.5)	101 (19.8)	34 (6.7)	2.81	1.155
Biii_5	Saya suka menggunakan e-pembelajaran dalam PdP	76 (14.9)	79 (15.5)	207 (40.7)	115 (22.6)	32 (6.3)	2.90	1.105
Biii_6	Saya lebih berminat mengadakan e-pembelajaran berbanding kelas bersemuka	176 (34.6)	85 (16.7)	166 (32.6)	55 (10.8)	27 (5.3)	2.36	1.207
Biii_7	Saya merasakan kelas melalui e-pembelajaran sahaja adalah mencukupi	151 (29.7)	99 (19.4)	182 (35.8)	57 (11.2)	20 (3.9)	2.40	1.138
Biii_8	Saya setuju jika ada kelas tambahan yang diadakan diluar masa/jadual yang telah ditetapkan	43 (8.4)	24 (4.7)	104 (20.4)	225 (44.2)	113 (22.2)	3.67	1.126
Biii_9	Saya terlibat aktif didalam e-pembelajaran semasa proses PdP	24 (4.7)	47 (9.2)	146 (28.7)	220 (43.2)	72 (14.1)	3.53	1.001
Biii_10	Saya berminat dengan semua subjek	27 (5.3)	50 (9.8)	172 (33.8)	184 (36.1)	76 (14.9)	3.46	1.031
Biii_11	Saya suka melakukan bacaan tambahan untuk memudahkan pemahaman saya bagi topik tertentu	13 (2.6)	35 (6.9)	117 (23.0)	266 (52.3)	78 (15.3)	3.71	.897
Biii_12	Saya suka belajar menggunakan persekitaran e-pembelajaran	61 (12.0)	84 (16.5)	201 (39.5)	119 (23.4)	44 (8.6)	3.00	1.107
Biii_13	Saya berasa seronok belajar menggunakan e-pembelajaran dan sentiasa mempelajari cara penggunaannya	53 (10.4)	73 (14.3)	192 (37.7)	148 (29.1)	43 (8.4)	3.11	1.086
Biii_14	E-pembelajaran adalah cara pembelajaran pilihan saya	105 (20.6)	91 (17.9)	190 (37.3)	96 (18.9)	27 (5.3)	2.70	1.149
Biii_15	Saya suka menggunakan e-pembelajaran kerana dapat mencari bahan dan nota tambahan berkaitan pembelajaran	34 (6.7)	35 (6.9)	134 (26.3)	214 (42.0)	92 (18.1)	3.58	1.070

Keseluruhan	3.09	.780
-------------	------	------

(Tahap: Rendah = 1.00 – 2.33, Sederhana = 2.34 – 3.66, Tinggi = 3.67 – 5.00)

#### 4.5. Tahap Prestasi Pembelajaran Sejarah Semasa PKP

Keputusan kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap prestasi pembelajaran Sejarah semasa PKP. Bagi memberi gambaran yang lebih jelas, analisis deskriptif seperti yang ditunjukkan dalam [Jadual 8](#) di bawah.

Jadual 8: Tahap Prestasi Pembelajaran Sejarah Semasa PKP

No	Pernyataan	STS	TS	KS	S	SS	Min	SP
C1	Saya dapat memahami kronologi peristiwa sejarah yang telah diajarkan melalui e-pembelajaran	20 (3.9)	47 (9.2)	208 (40.9)	190 (37.3)	44 (8.6)	3.38	.911
C2	Saya dapat menghubungkan peristiwa-peristiwa yang dipelajari semasa e-pembelajaran	18 (3.5)	40 (7.9)	194 (38.1)	207 (40.7)	50 (9.8)	3.45	.903
C3	Semasa e-pembelajaran, saya dapat mengetahui tarikh dan kepentingan peristiwa tokoh yang terlibat	18 (3.5)	37 (7.3)	194 (38.1)	230 (45.2)	30 (5.9)	3.43	.849
C4	Saya dapat mengenalpasti bagaimana sesuatu peristiwa itu berlaku melalui e-pembelajaran	17 (3.3)	42 (8.3)	172 (33.8)	234 (46.0)	44 (8.6)	3.48	.889
C5	Saya dapat membezakan antara tafsiran dan pendapat yang diberikan oleh sejarawan	13 (2.6)	39 (7.7)	197 (38.7)	223 (43.8)	37 (7.3)	3.46	.837
C6	Saya dapat membezakan antara fakta sejarah dan tafsiran sejarah	8 (1.6)	38 (7.5)	186 (36.5)	230 (45.2)	47 (9.2)	3.53	.824
C7	Melalui e-pembelajaran saya dapat mengimajinasikan peristiwa yang telah diajarkan	21 (4.1)	46 (9.0)	167 (32.8)	215 (42.2)	60 (11.8)	3.49	.957
C8	Melalui e-pembelajaran saya dapat memahami dengan lebih mendalam berkenaan dengan sebab-sebab sesuatu peristiwa itu berlaku	25 (4.9)	50 (9.8)	224 (44.0)	173 (34.0)	37 (7.3)	3.29	.918
C9	Saya dapat menilai dengan wajar berkenaan peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam sejarah	14 (2.8)	43 (8.4)	194 (38.1)	221 (43.4)	37 (7.3)	3.44	.853
C10	Saya dapat membuat rasionalisasi melalui kajian sumber sejarah secara kritis yang diajarkan di dalam e-pembelajaran	23 (4.5)	44 (8.6)	221 (43.4)	185 (36.3)	36 (7.1)	3.33	.899
Keseluruhan							3.43	.708

(Tahap: Rendah = 1.00 – 2.33, Sederhana = 2.34 – 3.66, Tinggi = 3.67 – 5.00)

#### 4.6. Rumusan Tahap Komitmen Pelajar Dalam Pembelajaran Sejarah Semasa PKP

Daripada [Jadual 9](#), dapat diringkaskan bahawa skor dimensi komitmen pelajar dari aspek persekitaran pembelajaran (min = 3.39, SP = 0.783) dan komitmen belajar (min = 3.09, SP = 0.780) adalah berada pada tahap yang sederhana, manakala skor dimensi komitmen pelajar dari aspek interaksi pelajar – guru (min = 4.06, SP = 0.535) pula adalah berada pada tahap yang tinggi. Secara keseluruhannya menunjukkan skor tahap komitmen pelajar dalam pembelajaran Sejarah semasa PKP (min = 3.52, SP = 0.561) adalah berada pada tahap yang sederhana.

Jadual 9: Min dan Sisihan Piawai Tahap Komitmen Pelajar Dalam Pembelajaran Sejarah Semasa PKP

	Min	SP	Tahap
Persekitaran pembelajaran	3.39	.783	Sederhana
Interaksi pelajar – guru	4.06	.535	Tinggi
Komitmen belajar	3.09	.780	Sederhana
Keseluruhan (Komitmen pelajar dalam pembelajaran Sejarah)	3.52	.561	Sederhana

(Tahap: Rendah = 1.00 – 2.33, Sederhana = 2.34 – 3.66, Tinggi = 3.67 – 5.00)

#### 4.7. Hubungan Antara Komitmen dan Prestasi Pelajar Dalam Pembelajaran Sejarah Semasa PKP

Keputusan kajian ini adalah untuk mengenal pasti hubungan antara komitmen dan prestasi pelajar dalam pembelajaran Sejarah semasa PKP. Ia menilai hipotesis seperti berikut:

Ho: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara komitmen dan prestasi pelajar dalam pembelajaran Sejarah semasa PKP

Hasil analisis korelasi dipaparkan dalam [Jadual 10](#). Hasil kajian menunjukkan komitmen pelajar dari aspek persekitaran pembelajaran ( $r = 0.434$ ,  $p < 0.01$ ); interaksi pelajar – guru ( $r = 0.429$ ,  $p < 0.01$ ); dan komitmen belajar ( $r = 0.606$ ,  $p < 0.01$ ) mempunyai hubungan yang signifikan dengan prestasi pelajar dalam pembelajaran Sejarah semasa PKP. Secara keseluruhannya menunjukkan komitmen pelajar ( $r = 0.619$ ,  $p < 0.01$ ) mempunyai hubungan yang signifikan dengan prestasi pelajar dalam pembelajaran Sejarah semasa PKP. Dengan itu Ho adalah ditolak.

Jadual 10: Hubungan Antara Komitmen dan Prestasi Pelajar Dalam Pembelajaran Sejarah Semasa PKP

	Prestasi pembelajaran Sejarah	
	r	Sig. P
Persekitaran pembelajaran	0.434**	.000
Interaksi pelajar – guru	0.429**	.000
Komitmen belajar	0.606**	.000
Komitmen pelajar dalam pembelajaran Sejarah	0.619**	.000

\*\*  $p < 0.01$

#### **4.8. Analisis Perbezaan Komitmen Belajar Pelajar Semasa PKP Berdasarkan Faktor Demografi**

Keputusan ini adalah untuk mengenal pasti perbezaan komitmen dalam kalangan pelajar semasa PKP berdasarkan faktor demografi seperti jantina, kategori tempat tinggal dan gred subjek Sejarah. Dua kaedah analisis yang digunakan untuk menganalisis perbezaan ini iaitu ujian-t dan juga analisis varian sehala (ANOVA).

#### **4.9. Analisis Perbezaan Komitmen Belajar Semasa PKP Berdasarkan Faktor Jantina**

Dapatan menunjukkan perbezaan komitmen semasa PKP berdasarkan faktor jantina. Dapatan kajian mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan komitmen pelajar dalam pembelajaran sejarah [ $t = -0.421, p = 0.674$ ],  $p > 0.05$  berdasarkan jantina responden. Ini menunjukkan bahawa faktor jantina tidak memainkan peranan yang signifikan kerana tidak mempunyai perbezaan dalam komitmen pelajar dalam pembelajaran sejarah semasa PKP.

#### **4.10. Analisis Perbezaan Komitmen Belajar Semasa PKP Berdasarkan Faktor Kategori Tempat Tinggal**

Dapatan kajian mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan komitmen pelajar dalam pembelajaran sejarah [ $t = -2.496, p = 0.013$ ],  $p < 0.05$  berdasarkan kategori tempat tinggal responden. Dapatan ini menunjukkan komitmen pelajar dalam pembelajaran Sejarah dalam kalangan responden bandar (min = 3.58, SP = 0.585) adalah lebih tinggi berbanding responden luar bandar (min = 3.45, SP = 0.530).

#### **4.11. Analisis Perbezaan Komitmen Belajar Pelajar Semasa PKP Berdasarkan Faktor Gred Subjek Sejarah**

Dapatan kajian mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan komitmen pelajar dalam pembelajaran Sejarah [ $F(5, 503) = 2.068, p = 0.068$ ],  $p > 0.05$  berdasarkan gred subjek Sejarah responden. Ini menunjukkan bahawa faktor gred subjek Sejarah tidak memainkan peranan yang signifikan kerana tidak mempunyai perbezaan dalam komitmen pelajar dalam pembelajaran sejarah semasa PKP.

### **5. Perbincangan Kajian**

Secara keseluruhannya, kajian menunjukkan komitmen pelajar mempunyai hubungan yang signifikan dengan prestasi pelajar dalam pembelajaran sejarah semasa PKP. Selari dengan dapatan kajian lepas, [Moos \(1979\)](#) dan [Che Ahmad, Shaharim dan Yahaya \(2016\)](#) yang menyatakan tiga faktor penentu kejayaan pelajar yang saling mempengaruhi bagi menjamin keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah adalah persekitaran, guru dan pelajar.

#### **5.1. Aspek Persekitaran Pembelajaran**

Secara keseluruhan, dapatan kajian mendapati pembelajaran bagi pelajar tingkatan empat dan tingkatan lima yang mengambil mata pelajaran sejarah secara atas talian sepanjang berlangsungnya PKP di beberapa sekolah menengah di Negeri Sabah adalah berada pada tahap yang sederhana dari segi aspek persekitaran pembelajaran. Hal ini

menunjukkan persekitaran pembelajaran pelajar semasa PdPR dari segi pemilikan peranti, capaian internet, ruang belajar, perabot, peralatan, keselesaan suasana pembelajaran di rumah adalah berada di tahap yang sederhana. Dapat disimpulkan, para responden berpendapat persekitaran pembelajaran mereka semasa pelaksanaan PdPR adalah kurang memuaskan dan masih terdapat aspek yang mempunyai kekurangan yang perlu dibaiki. Dua item yang mencatatkan nilai min yang terendah ialah responden tidak dapat fokus terhadap pelajaran semasa mengikuti pembelajaran atas talian dan juga kurang menyukai PdPR. Melalui dapatan ini, dapat disimpulkan para responden masih selesa dan memilih pertemuan secara bersemuka kerana dapat menumpukan lebih perhatian terhadap pembelajaran berbanding pembelajaran atas talian.

Selain itu, item berkenaan pemilikan peranti, teknologi dan persekitaran pembelajaran di rumah masing-masing mencatatkan nilai min yang sederhana. [Abdul Rahman & Rosli \(2021\)](#), menyatakan suasana pembelajaran di rumah yang tidak kondusif menyukarkan interaksi dua hala antara pelajar dan juga pensyarah. Lebih-lebih lagi bagi pelajar yang kurang berkemampuan dan mengalami pelbagai gangguan untuk melaksanakan PdPR. Dapatan juga menunjukkan bahawa komitmen pelajar dalam pembelajaran sejarah dalam kalangan responden bandar adalah lebih tinggi berbanding responden luar bandar. Dapat disimpulkan responden yang tinggal di luar bandar tidak melihat PdPR ini sebagai sesuatu yang positif ekoran persekitaran pembelajaran mereka yang kurang kondusif. Selari dengan kajian [Goliong et al. \(2020\)](#) serta [Abd Latib, Edrusi dan Muhamad \(2021\)](#), yang menyatakan pelajar dari sekolah luar bandar, pendalaman ataupun pelajar yang datang daripada keluarga yang kurang berkemampuan tidak akan mendapat manfaat sepenuhnya daripada pembelajaran atas talian disebabkan wujudnya kekangan ekonomi dari segi sarana dan prasarana. Hal ini boleh menyebabkan objektif utama pembelajaran atas talian tidak dapat dicapai ([Briliannur et al., 2020](#)). Bukan sekadar itu, malah dapat menjejaskan tahap dan kualiti pendidikan luar bandar secara keseluruhannya ([Koay, Awang & Ahmad, 2021](#)).

Dapat dilihat juga melalui dapatan kajian, seramai 93.5% iaitu seramai 476 orang responden yang menggunakan telefon pintar sebagai peranti mereka untuk mengikuti pembelajaran secara atas talian. Diikuti 29 orang (5.7%) dan 4 orang (0.8%) yang masing-masing menggunakan komputer riba dan tablet sebagai peranti mereka. Melalui dapatan ini, dapat diketahui majoriti ibu bapa para responden hanya mampu sekurang-kurangnya menyediakan telefon pintar bagi tujuan pembelajaran anak mereka. Seperti sedia maklum telefon pintar sebenarnya adalah terlalu kecil dan kurang sesuai digunakan sepenuhnya sebagai salah satu peranti utama pembelajaran atas talian. Skrin yang terlalu kecil dan ketiadaan fungsi untuk menaip menyebabkan telefon pintar adalah kurang sesuai dan bukanlah peranti yang sesuai untuk digunakan. [Jasni dan Hussin \(2020\)](#) menyatakan bahawa pelaksanaan pengajaran atas talian adalah tidak relevan untuk semua pelajar yang datang daripada pelbagai latar belakang.

Melalui dapatan kajian ini, dapat disimpulkan para responden masih lagi tidak bersedia sepenuhnya dari segi pemilikan peranti dan teknologi. Ini kerana pembelajaran atas talian adalah sangat bergantung dengan sokongan peranti, terutamanya bagi pelajar luar bandar dan kurang berkemampuan. Selari dengan dapatan [Goliong et al. \(2020\)](#), cabaran dari aspek pemilikan peranti memaksa para guru untuk melakukan pembelajaran secara luar talian agar para pelajar dapat mengikuti pembelajaran seperti rakan-rakan mereka yang lain. Selari juga dengan dapatan [Ting \(2007\)](#), [Vinathan \(2016\)](#), [Syed Chear \(2017\)](#), [Adzhar, Abdul Karim dan Sahrin \(2017\)](#), [Quah \(2020\)](#), [Goliong et al. \(2020\)](#), [Syed Idrus et al. \(2020\)](#), [Briliannur et al. \(2020\)](#) serta [Koay, Awang dan Ahmad \(2021\)](#) yang

memberi penekanan terhadap kepentingan pemilikan peranti dan teknologi sebagai salah satu benda asas yang perlu dimiliki untuk menjayakan pembelajaran atas talian.

## 5.2. Aspek Interaksi Pelajar – Guru

Seterusnya bagi aspek interaksi pelajar – guru sejarah semasa PKP adalah berada pada tahap yang tinggi. Hal ini dapat dilihat apabila kesemua 15 item bagi interaksi pelajar – guru berada pada tahap yang tinggi. Dapat disimpulkan para guru berusaha mencari inisiatif baru untuk menarik minat para pelajar, membantu pelajar menguasai pelajaran dan berinteraksi dengan pelajar sebaik mungkin bagi memastikan mereka tidak ketinggalan pelajaran dengan menggunakan sistem yang baharu ini. Walaupun pelaksanaan pembelajaran atas talian buat pertama kalinya dilaksanakan secara menyeluruh di sekolah, dapat dilihat para pendidik berusaha meningkatkan kemahiran mereka sendiri untuk menguasai teknologi agar mampu mengendalikan kelas secara atas talian semasa PKP ini. Selari dengan dapatan kajian oleh [Che Azizan dan Mohamad Nasri \(2020\)](#) menyatakan majoriti guru bersedia untuk melaksanakan pembelajaran atas talian meskipun berhadapan dengan pelbagai cabaran semasa PKP. Namun, bertentangan dengan kajian [Quah \(2020\)](#) dan [Goliong et al. \(2020\)](#) yang menyatakan kebanyakan golongan pendidik tidak mahu atau tidak sanggup menerima perubahan terhadap kaedah pembelajaran baharu ini. Malah kajian [Baharin \(2019\)](#) mendapati terdapat juga kalangan pendidik yang berasa risau jika penggunaan teknologi akan menggantikan tugas mereka sebagai pendidik kelak.

[Koay, Awang dan Ahmad \(2021\)](#) menyatakan sikap, pengalaman dan komitmen guru merupakan faktor penting dan berupaya menggalakkan penglibatan murid di dalam PdP. Menurut [Arbaa, Jamil dan Abd Razak \(2010\)](#) pula, komitmen belajar pelajar secara langsung mempunyai hubungan positif dengan ciri kualiti guru. Hal ini bermakna ciri kualiti yang ada pada guru dapat mempengaruhi komitmen belajar pelajar. Hasil kajian ini juga mendapati bahawa responden merasakan guru mereka mempunyai pengetahuan yang luas dalam mata pelajaran dan membantu pelajar menjawab setiap pertanyaan pelajar di dalam kelas semasa mengendalikan pembelajaran atas talian. Dapat dilihat melalui kajian ini, para pelajar berpuas hati dengan cara penyampaian guru mereka walaupun bagi para guru sendiri pengalaman mengendalikan kelas secara atas talian adalah satu norma yang baharu juga bagi mereka. Namun begitu, dapat disimpulkan juga para guru berusaha untuk memenuhi keperluan pembelajaran meskipun sentiasa berubah. Dalam masa yang sama sentiasa berusaha memperbaiki diri dan kebolehan mereka demi kecemerlangan pelajar. [Goliong et al. \(2020\)](#) menyatakan guru-guru perlulah menyiapkan diri untuk sentiasa meningkatkan tahap kompetensi dan kemahiran baharu agar bersesuaian dengan keperluan semasa supaya kekal relevan sebagai pendidik seiring dengan masa.

## 5.3. Aspek Komitmen Belajar

Akhir sekali bagi aspek komitmen belajar pelajar pula, secara keseluruhannya dapatan kajian mendapati skor komitmen belajar dari aspek komitmen belajar sejarah semasa PKP adalah berada pada tahap yang sederhana. Tahap komitmen yang sederhana membawa maksud pelajar tingkatan empat dan tingkatan lima yang mengambil mata pelajaran sejarah secara atas talian sepanjang berlangsungnya PKP di beberapa sekolah menengah di Negeri Sabah adalah berada di tahap sederhana. Perlu diakui, norma baharu ini bukanlah sesuatu yang mudah untuk diadaptasi oleh para pelajar. Ketika ini juga, motivasi pelajar perlu diambil kira kerana sering dikaitkan sebagai daya penggerak



dan dorongan yang kuat yang wujud di dalam diri setiap pelajar untuk mereka mencapai hasrat mereka (Abdullah & Amran, 2021).

Menurut Zulkifli, Hamzah, dan Abdul Razak (2020), elemen motivasi juga perlu diberi perhatian kerana motivasi bertindak sebagai elemen penggerak dalam diri seseorang individu untuk melakukan sesuatu aktiviti. Abdul Rahman & Rosli (2021) menyatakan sikap sambil lewa pelajar akan memberi impak yang negatif terhadap keberkesanan pembelajaran atas talian. Semasa PdPR, komitmen daripada pelajar adalah sesuatu aspek yang tidak mampu dikawal dan dipantau oleh para guru kerana tidak berada di satu ruangan yang sama sama ada memberi sepenuh tumpuan atau tidak. Oleh itu, Sikap dan komitmen pelajar sendirilah yang akan menentukan keberkesanan hasil PdPR. Namun dapat dilihat melalui item yang mencatatkan nilai min yang tinggi, para responden suka menggunakan pembelajaran atas talian kerana dapat mencari bahan bacaan tambahan dan bersetuju jika perlunya mengadakan kelas tambahan diluar jadual kelas. Dapat disimpulkan juga, para responden komited dan mempunyai kesedaran sendiri untuk membuat ulang kaji tambahan. Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa faktor jantina tidak memainkan peranan yang signifikan kerana tidak mempunyai perbezaan di dalam komitmen pelajar dalam pembelajaran sejarah semasa PKP.

Selari dengan dapatan kajian Jasni dan Hussin (2020) yang menyatakan bahawa tahap kebolehlaksanaan kelas secara atas talian ini berada pada tahap sederhana tinggi. Selain membentuk dan menggalakkan pembelajaran sendiri dalam kalangan pelajar. Namun memerlukan kemahiran dalam mengaplikasikan teknologi maklumat dan pelajar sendiri perlu mempunyai kesedaran sendiri untuk belajar. Disokong oleh kajian-kajian Rohani, Arbaa, Jamil dan Abd Razak (2010), Kok dan Prumale (2016), Syed Chear (2017), Zulkifli, Hamzah dan Abdul Razak (2020), Ishak dan Mir Ahmad Talaat (2020), Abdul Jasni dan Hussin (2020), Ahmad Mokhtar dan Lakman (2021) serta Rabindarang dan Arjunan (2021) yang menyentuh aspek sifat sendiri pelajar adalah antara salah satu faktor paling signifikan dan mempunyai peranan yang penting dalam keberkesanan pembelajaran atas talian.

## 6. Kesimpulan

Pandemik Covid-19 banyak mengubah landskap sistem pendidikan negara kita khususnya, daripada berteraskan sekolah dan bilik darjah kepada pembelajaran di rumah. PdPR dilihat sebagai salah satu alternatif yang sangat penting melihat kepada situasi dunia pada masa pandemik ini. Selain itu, ia juga dilihat sebagai satu medium baharu dalam dunia pendidikan pada masa kini. Perlaksanaan pembelajaran atas talian sepenuhnya pada ketika pandemik ini juga dapat memberi kita kesedaran bahawa masih wujudnya pelbagai kelemahan yang perlu dikenal pasti dan diperbaiki lagi. Norma baharu ini tidak mudah untuk diadaptasi oleh semua golongan masyarakat. Dapat dilihat dengan jelas, masih terdapat pelajar dan segelintir golongan guru yang masih memilih pertemuan bersemuka berbanding pembelajaran atas talian. Melalui dapatan ini, jurang digital bukan sahaja dapat dirasai wujud di antara generasi muda dan juga generasi yang lama. Malah perlu diberi perhatian juga jurang yang jelas wujud antara golongan berkemampuan dan kurang berkemampuan pada ketika ini.

Dapatan kajian yang dilakukan dapat dijadikan rujukan bagi pihak-pihak yang berkenaan agar penambahbaikan dapat dilakukan demi memastikan proses pengajaran dapat dijalankan dengan berkesan dan mencapai objektifnya. Isu dan cabaran yang

didapati dalam dapatan kajian ini menggambarkan situasi sebenar yang boleh berlaku kepada pelajar lain di luar sana. Dalam masa yang sama mungkin juga terdapat perbezaan yang ada disebabkan faktor-faktor seperti latar belakang keluarga dan kawasan tempat tinggal. Oleh itu adalah dicadangkan untuk kajian seterusnya disarankan untuk menyelidik dengan lebih terperinci cabaran yang dihadapi oleh para pelajar dan golongan pendidik ketika pelaksanaan PdPR agar penambahbaikan dapat dilakukan sekiranya PdPR perlu dilaksanakan semula pada akan datang.

### **Penghargaan (*Acknowledgement*)**

Jutaan terima kasih diucapkan kepada para pentadbir sekolah, barisan guru sejarah negeri Sabah terutamanya Puan Hanita Ladjaharun, Guru Inovasi Sejarah dan para pelajar tingkatan 4 dan tingkatan 5 iaitu responden bagi kajian ini yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan kajian ini.

### **Kewangan (*Funding*)**

Kajian dan penerbitan kajian ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan dari mana-mana pihak.

### **Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)**

Penulis tidak mempunyai konflik kepentingan.

### **Rujukan**

- Abd Latib, N., Edrusi, M. N., & Muhamad, J. (2021). Pembelajaran matematik secara atas talian semasa perintah kawalan pergerakan. *International Journal of Modern Education (IJMOE)*, 3(8), 91-103. <https://doi.org/10.35631/Ijmoe.38008>
- Abdullah, N. A., & Amran, M. S. (2021). Perspektif guru terhadap penglibatan murid dalam pengajaran dan pembelajaran secara atas talian semasa pandemik covid-19 di Malaysia. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 1(4), 32-39.
- Abdul Mumen, K. N. (2022). Kesan perintah kawalan pergerakan (PKP) terhadap komitmen belajar dalam kalangan pelajar pascasiswazah fakulti pendidikan, UKM. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(1), 15-30. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i1.1254>
- Abdul Rahman, N. F., & Rosli, N. J. (2021). Cabaran dan impak pembelajaran dalam talian kepada mahasiswa pengajian islam UKM semasa pandemik Covid-19. *Proceeding The 3<sup>rd</sup> ICDIS 2021 "Islam and Southeast Asian Communities Welfare in The Covid-19 Era"*, 2(1), 48-497.
- Abd Rahman, I., & Ramli, A. A. (2021). Isu dan cabaran dalam pelaksanaan pendidikan peringkat rendah dan menengah: pendekatan Malaysia semasa pandemik Covid-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(9), 1-13. [10.47405/mjssh.v6i9.1043](https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i9.1043)
- Adnan, A. F. (2021, Dec 5). 21,316 murid berhenti sekolah: Segera lakukan Pelan Pemulihan Pendidikan *Utusan*. <https://www.utusan.com.my/terkini/2021/12/21316-murid-berhenti-sekolah-segera-lakukan-pelan-pemulihan-pendidikan/> (Diakses pada 19/12/2021).

- Adhanom Ghebreyesus, T. (2020, March 11). WHO Director-General's opening remarks at the media briefing on COVID-19. *World Health Organization*. <https://www.who.int/director-general/speeches/detail/who-director-general-s-opening-remarks-at-the-media-briefing-on-covid-19---11-march-2020>
- Adzhar, H., Abdul Karim, A., & Sahrin, M. U. (2017). Pembangunan instrumen penerimaan e-pembelajaran pelajar pascasiswazah menggunakan analisis rasch. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 42(2), 147-155. <http://dx.doi.org/10.17576/JPEn-2017-42.02-08>
- Ahmad Mokhtar, Z., & Lakman, N. A. (2021). Peralihan dari pembelajaran bersemuka ke pembelajaran secara atas talian untuk subjek mechanics of civil engineering structures semasa pandemik COVID-19. *ANP Journal of Social Science and Humanities*, 2(2), 11-18. <https://doi.org/10.53797/anpjssh.v2i2.2.2021>
- Ahmid, M. H., Abdullah, M. K., & Johari, K. (2018). Pengajaran guru dan kepercayaan motivasi pelajar dalam pembelajaran bahasa arab di sekolah menengah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* (MJSSH), 3(3), 136-147.
- Andin, C., Zainol R. M., Wong H. C., & Hamzah, R. (2019). Jurnal Penyelidikan Pendidikan, Jilid Ke-20, 2019. In V. Vasudevan, N. S. R. Zamzam Amin & S. Mohamad (Eds.), *Minat murid berprestasi rendah terhadap pembelajaran* (156-170). Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Arbaa, R., Jamil, H., & Abd Razak, N. (2010). Hubungan guru-pelajar dan kaitannya dengan komitmen belajar pelajar: adakah guru berkualiti menghasilkan perbezaan? *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35(2), 61-69.
- Bahrom, Z. (2020). Pedagogi norma baharu: Cabaran dan hikmah. *Jurnal Refleksi Kepemimpinan* Jilid III.
- Baharin, N. (2019). Jurnal Penyelidikan Pendidikan, Jilid Ke-20, 2019. In V. Vasudevan, N. S. R. Zamzam Amin & S. Mohamad (Eds.), *Penggunaan Ipad untuk meningkatkan pembelajaran dan penglibatan murid dalam bilik darjah* (12-24). Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bernama. (2021, Dec 6). Pelajar berhenti sekolah pada 2018 lebih tinggi berbanding tempoh Mac 2020-Julai 2021 *TheSunday* <https://www.thesundaily.my/home/pelajar-berhenti-sekolah-pada-2018-lebih-tinggi-berbanding-tempoh-mac-2020-julai-2021-EL8629420> (Diakses pada 19/12/2021).
- Briliannur, D. C., Aisyah, A., Uswatun, R., Abdy, M. P., & Hidayatur, R. (2020). Analisis keefektifan pembelajaran online di masa pandemik covid-19. *Mahaguru: Jurnal Pendidikan Guru Dasar*, 28-37.
- Che Azizan, S. N., & Mohamad Nasri, N. (2020). Pandangan guru terhadap pembelajaran dalam talian melalui pendekatan Home Based Learning (HBL) semasa tempoh pandemik COVID-19. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11, 46-57. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol11.edisikhas.4.2020>
- Che Ahmad, C. N., Shahrir, S. A., & Yahaya, A. (2016). Kesesuaian persekitaran pembelajaran, interaksi guru-pelajar, komitmen belajar dan keberhasilan pembelajaran dalam kalangan pelajar biologi. *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia*, 6(1).
- Goliong, L., Kasin, A., Johnny, M., & Yulip, N., G. (2020). Cabaran pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Jarak Jauh (PDPCJJ) semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). *Pejabat Pendidikan Daerah Ranau, Sabah*, 1-15.

- Haron, H., Hussin, S., & Yusof, A. R. (2020). Penerimaan teknologi Massive Open Online Course ( MOOC ) di kalangan pelajar di UKM : Satu kajian rintis. *Sains Insan, 05*(1), 142-147.
- Ishak, A. A., & Mir Ahmad Talaat, A. Z. (2020). Pembelajaran atas talian: Tinjauan terhadap Kesediaan dan Motivasi dalam kalangan pelajar diploma logistik dan pengurusan rantai bekalan, Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang. *Jurnal Dunia Pendidikan, 2*(4), 68-82.
- Jasni, A. H., & Hussin, M. (2020). Kebolehlaksanaan pengajaran secara atas talian di SMKA Dato Haji Abu Hassan Haji Sail, Negeri Sembilan. *ICOFEA 2020 Conference Proceeding*. 191-196.
- Koay, A. H., Awang, M. M., & Ahmad, A. R. (2021). Sokongan sosial terhadap pembelajaran dalam kalangan murid luar bandar pada masa pandemik. *Putrajaya-KL International Conference on Innovative Technology, Education & Humanities. (PICTECH) Malaysia, 29<sup>th</sup>, 1*(19), 186-193.
- Kok, B. S., & Perumale, S. R. (2016). Sistem pembelajaran atas talian untuk pelajar dalam perkhidmatan. *Jurnal Penyelidikan Kent, 1*.
- Lapammu, S. & Mahamod, Z. (2018). Tahap pengetahuan, sikap dan kesediaan pelajar tingkatan 4 terhadap penggunaan pembelajaran persekitaran maya Vle Frog dalam pembelajaran bahasa melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu (JPBM), 8*(1), 53-62.
- Mahad, I., Magesvaran, U. & Hamza, I., N., S. (2021). Sikap dan motivasi murid sekolah rendah terhadap pembelajaran bahasa melayu dalam talian sepanjang perintah kawalan pergerakan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu (JPBM), 11*(1), 16-28.
- Martha, A. S. D., Junus, K., Santoso, H. B., & Suhartanto, H. (2021). Assessing undergraduate students' e-learning competencies: a case study of higher education context in Indonesia. *Education Sciences, 11*(4). <https://doi.org/10.3390/educsci11040189>
- Ministry of Education (MOE). (2021, Feb 2). *Garis panduan pengurusan dan pengoperasian sekolah dalam norma baharu 2.0*. <https://www.moe.gov.my/pekeliling/4109-garis-panduan-pengurusan-dan-pengoperasian-sekolah-dalam-norma-baharu-2-0/file>
- Moos, R. H. (1979). *Evaluating educational environments: procedures, measures, findings and policy implications*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Mustafa, N. & Zahoor, H. (2020). Impact of the 2019–20 coronavirus pandemic on education. *International Journal of Health Preference Research, 5*(20).
- Nawi, A., & Hamidaton, U. (2020). Penerimaan pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) terhadap penggunaan Microsoft teams sebagai platform pembelajaran – Satu tinjauan. *E-Proceeding: Seminar Antarabangsa Islam Dan Sains (SAIS), 315–330*.
- Jabatan Perdana Menteri (JPM). (2020, Mac 16). *Perutusan khas YAB perdana menteri mengenai Covid-19*. <https://www.pmo.gov.my>
- Quah, W. B. (2020). Pandemik Covid-19 : Mempercepatkan pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Talian ( PDPDT ) di kolej : Isu & cabaran yang dihadapi oleh pensyarah dan pelajar. *TVET Think Big, 4*, 199-209.
- Rabindarang, S., & Arjunan, V. (2021). Paradigma baharu PdPR: Satu sorotan kajian. *Asian Pendidikan, 2*(1), 19– 24. <https://doi.org/10.53797/aspen.v2i1.3.2021>
- Sahu, P. (2020). Closure of universities due to coronavirus disease 2019 (COVID-19): Impact on education and mental health of students and academic staff. *Cureus, 12*(4). doi:10.7759/cureus.7541

- Safri, S.N.W., Mohi, Z., & Hanafiah, M.H. (2020). Massive Open Online Course (MOOC): Our saviour during Covid-19 pandemic? *Journal of Tourism, Hospitality & Culinary Arts (JTHCA)*, 12(3), 120-128.
- Syed Idrus, S. K., Yaakob, M. N., Shuib, A. S., Ahmad, S. A. S., & Hassan, K. N. @ M. K. N. (2020). Mendepani impak pelaksanaan pembelajaran atas talian di Institut Pendidikan Guru (IPG) semasa sekatan pergerakan. *Jurnal IPDA*, 27.
- Syed Chear, S. L. (2017). Pengajaran dan pembelajaran melalui aplikasi Whatsapp dan Telegram di universiti swasta. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 42(2), 87-97. <http://dx.doi.org/10.17576/JPEN-2017-42.02-02>
- Ting, K. S. (2007). *Kajian mengenai penggunaan e-pembelajaran (E-Learning) di kalangan pelajar jurusan pendidikan teknik dan vokasional di Institusi Pengajian Tinggi (IPTA) Negeri Johor* [Master's thesis, Universiti Teknologi Malaysia].
- Toland, M. D., & Ayala, R. J. D. (2005). A Multilevel Factor Analysis of Students' Evaluations of Teaching. *Educational and Psychological Measurement*, 65(2), 272-296. <https://doi.org/10.1177/0013164404268667>
- Vinathan, T. A. P. (2016). Hubungan motivasi guru dengan penggunaan ICT dalam pengajaran di SJK (T) Daerah Kuala Muda Yan. *Proceeding Of Icecrs, International Seminar on Generating Knowledge Through Research UUM-UMSIDA*, 1(2016), 1043-1054. <http://dx.doi.org/10.21070/picecrs.v1i1.647>
- Wahono, Z., Mahamod, Z., & Mohamad Nasir, M. K. (2021). Kertas konsep tematik sebagai strategi pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu ketika pandemik bagi murid sekolah rendah. In S. N. D. Mahmud, H. Hanim & H. Hashim (Eds.), *Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam*. (1<sup>st</sup> ed., 422-437). Fakulti Pendidikan, UKM.
- Yahaya, N., & Ling, N. N. (2011). Kesiediaan penggunaan e-learning di kalangan pelajar tahun kedua kursus sarjana muda sains, komputer serta pendidikan, fakulti pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia - Satu tinjauan. *Jurnal of Educational Social Science*, 1, 121-140.
- Zulkifli, N., Hamzah, M. I., & Abdul Razak, K. (2020). Isu dan cabaran penggunaan MOOC dalam proses pengajaran dan pembelajaran. *Journal of Research, Policy & Practice of Teachers and Teacher Education*, 10(1), 78-95. <https://doi.org/10.37134/jrpptte.vol10.1.6.2020>